

BAB 5

PENUTUP

BAB 5

PENUTUP

5. PENDAHULUAN

Dalam bab ini akan dibincang mengenai rumusan penemuan kajian terhadap penggunaan IT dan JKKK. Di samping itu kita juga akan melihat beberapa cadangan bagi meningkatkan program IT dan JKKK. Dalam bab ini akan disentuh juga implikasi dasar kerajaan dan cadangan-cadangan kajian-kajian yang boleh dilakukan di masa akan datang.

5.1. *Rumusan Penemuan Kajian*

Rumusan daripada kajian ini tentang JKKK adalah seperti berikut :-

- a. JKKK belum ada kemahiran menggunakan komputer. 55.6% belum pernah menggunakan komputer. Hanya 42.2% biasa menggunakan komputer.
- b. Tahap penggunaan komputer adalah rendah. 42% menggunakan komputer secara jarang-jarang. 26.3% menggunakan komputer 2 atau 3 hari sekali. Hanya 21.05% menggunakan komputer setiap hari.
- c. Dari segi latihan belum mencukupi di mana 86.7% ahli JKKK belum pernah menghadiri kursus komputer. Hanya 13.3% yang pernah menghadiri kursus.

- d. Dari segi sikap JKKK adalah positif terhadap penggunaan komputer. Kesemua ahli JKKK yang memberi jawapan bersetuju mengikuti kursus komputer untuk memahirkan diri dalam bidang internet. Mereka sedar di masa hadapan semua urusan boleh dibuat melalui komputer dan internet.
- e. Tidak ada inisiatif daripada JKKK untuk mengembangkan penggunaan komputer kepada masyarakat setempat.

Di samping itu kajian ini juga mendapati bahawa :-

- a. Masyarakat umum dalam Dewan Undangan Negeri Melekek belum bersedia menggunakan komputer untuk menjalankan aktiviti harian. Masyarakat di sini belum mahir menggunakan komputer. 62% daripada responden menunjukkan mereka belum pernah menggunakan komputer. 33.3% responden pernah menggunakan komputer.
- b. Dari segi tahap penggunaan pula, mereka yang pernah menggunakan komputer didapati 50% menggunakan komputer sama ada seminggu sekali atau jarang-jarang. 28% menggunakan 2 atau 3 hari sekali. Cuma 22% yang menggunakan komputer setiap hari.
- c. Dari segi latihan, masyarakat di sini belum terdedah dengan kursus komputer. 86% responden belum pernah menghadiri sebarang kursus komputer. 8% sahaja yang pernah menghadiri kursus komputer.

- d. Dari segi sikap masyarakat terhadap penggunaan komputer sungguh menggalakkan. 97.3% responden sanggup belajar komputer untuk mendapatkan kemahiran penggunaan komputer. Mereka sedar banyak maklumat boleh diperolehi melalui komputer kalau tahu menggunakan komputer dan mereka sedar di masa hadapan semua urusan dengan jabatan kerajaan atau syarikat swasta boleh dijalankan melalui komputer.

Program pembangunan komuniti adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan kesejahteraan komuniti luar bandar. Program pembangunan komuniti memerlukan penglibatan semua ahli komuniti dan penglibatan mereka hendaklah secara aktif. Inisiatif perlu datangnyanya daripada masyarakat itu sendiri. Dengan adanya komponen seperti yang disebutkan di atas adalah faktor-faktor utama yang membawa kejayaan sesuatu program pembangunan komuniti. Banyak bukti-bukti menunjukkan bahawa program pembangunan komuniti boleh mencapai kejayaan dan boleh merubah corak hidup masyarakat luar bandar atau masyarakat terpinggir. Mohd. Razali Agus (1992) dalam kajiannya terhadap program Taman Sang Kancil menunjukkan bahawa penyertaan komuniti dalam program Taman Sang Kancil mampu meningkat taraf hidup dan mengurangkan kadar kemiskinan komuniti setingan. Kemudahan asas perlu disediakan seperti kemudahan jalanraya, bekalan elektrik, air, klinik dan sekolah. Dengan adanya kemudahan asas yang cukup serta penglibatan komuniti secara aktif dan positif telah membawa kesan yang baik kepada masyarakat berkenaan.

Rancangan pembangunan komuniti juga dilaksanakan di negara Korea Selatan dan dikenali dengan nama Saemaul Undong. Melalui program ini sebahagian besar penduduk desa dapat menikmati berbagai kemudahan yang hampir sama dengan penduduk kota. Rumah mereka ada bekalan elektrik, televisyen, peti sejuk dan seterika elektrik. Dalam tahun 1961 pendapatan keluarga sebanyak RM95.00 tetapi telah meningkat kepada RM252.00 pada tahun 1971 dan menjadi RM6600.00 pada tahun 1980 (dalam Wan Zawayah Wan Omar 1985/86 : 34).

Saemaul Undong ialah program pembangunan desa yang akan menukar sikap negatif petani dan nelayan kepada sikap moden. Mereka akan belajar dan berusaha membantu diri dan bekerjasama dengan yang lain untuk mencipta masyarakat berdikari. Aspek utama Saemaul Undong ialah menanam dan mengukuhkan semangat gotong royong dan kerja sukarela (Wan Zaniyah Wan Omar, 1985/86 : 34).

Dalam konteks Program Celik Komputer di bawah program Gerakan Desa Wawasan (GDW) belum lagi berjaya. Program ini tidak melibatkan semua ahli komuniti. Tidak ada penyertaan secara aktif daripada ahli komuniti. Program Celik Komputer dibuat tidak berdasarkan keperluan sebenar komuniti. Hasilnya kurang memuaskan. Program Celik Komputer yang dilakukan setakat ini ialah program pengukuhan pengurusan JKKK. Setiap kampung di bawah program GDW dibekalkan sebuah komputer. Penggunaan komputer dihadkan kepada JKKK. Penggunaan tidak dibuka kepada ahli-ahli komuniti.

Penggunaan komputer adalah terhad dan kebanyakan masa komputer tidak digunakan. Di bawah program ini sebenarnya ahli komuniti tidak mempunyai peluang untuk menggunakan kemudahan komputer. Melalui program ini adalah sukar untuk mencapai objektif program GDW iaitu untuk melahirkan masyarakat yang bermaklumat pada tahun 2020.

Peluang latihan komputer juga terhad. Hanya ahli-ahli JKKK sahaja yang dihantar berkursus di INFRA. Di sini sekali lagi menunjukkan peluang latihan diberi kepada ahli JKKK sahaja. Peluang tidak dibuka kepada ahli komuniti. Komuniti sedar bahawa mereka perlukan latihan untuk mendapatkan kemahiran penggunaan komputer.

Ahli-ahli komuniti dan JKKK mempunyai sikap positif terhadap penggunaan IT. Mereka sedar bahawa di masa hadapan IT menjadi alat perhubungan yang sangat penting. Mereka sedar perhubungan melalui IT mudah dan cepat. Menyedari hakikat ini mereka sanggup belajar untuk mendapatkan kemahiran dan menyiapkan diri ke arah penggunaan IT. Bagaimanapun Program Celik Komputer di bawah GDW belum dapat memenuhi keperluan ahli-ahli komuniti dengan menyediakan kelas-kelas celik IT di kampung-kampung mereka. Sekiranya peluang ini dapat digunakan sepenuhnya, objektif menjadi masyarakat Malaysia berinformasi pada tahun 2020 mungkin menjadi satu kenyataan.

Pembekalan komputer, satu JKKK sebuah komputer adalah tidak mencukupi. Bagi tujuan pengukuhan pengurusan JKKK adalah satu usaha yang baik. Bagaimanapun untuk mencapai objektif yang lebih besar iaitu menjadi masyarakat yang bermaklumat adalah sukar untuk mencapai objektif ini. Matlamat program tidak akan tercapai kalau tidak ada sokongan dan penyertaan ahli komuniti. Sepatutnya program pembangunan komuniti adalah untuk komuniti secara keseluruhannya. Program komuniti tidak sepatutnya dihadkan kepada sebahagian ahli komuniti seperti JKKK sahaja.

5.2. Implikasi Dasar Kerajaan

a. *Celik Komputer*

Kerajaan Malaysia melalui Program Gerakan Desa Wawasan (GDW) telah melaksanakan Program Celik Komputer kepada masyarakat luar bandar. Mengikut Rancangan Malaysia Ke 8 (2001:388), "Program Gerakan Desa Wawasan telah dilancarkan pada tahun 1996 bagi meningkatkan kesedaran penduduk luar bandar untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses mewujudkan perubahan dan pembangunan di kawasan mereka. Di bawah program ini, JKKK telah dibekalkan dengan komputer yang bertujuan memudahkan kerja pengurusan dan pentadbiran kampung serta memperkenalkan ICT di peringkat kampung. Sehingga tahun 2000, sebanyak 995 kampung telah mendapat manfaat daripada program ini."

Malangnya dalam kajian ini menunjukkan bahawa program GDW tidak dapat mencapai matlamat sepertimana yang dirancang oleh kerajaan. Ini disebabkan komputer yang dibekalkan kepada JKKK adalah untuk kegunaan JKKK sahaja. Penggunaan komputer tidak terbuka kepada penduduk tempatan. JKKK adalah sebahagian kecil penduduk uyang mendapat faedah manakala sebahagian besar penduduk tidak mendapat apa-apa faedah daripada program ini. JKKK juga tidak dapat memperkembangkan penggunaan ICT kepada penduduk tempatan kerana JKKK sendiri tidak mahir menggunakan ICT.

Program GDW telah diperkenalkan hampir 6 tahun tetapi majoriti 62% penduduk tempatan seperti yang terdapat di kawasan kajian tidak pernah menggunakan komputer. Sepatutnya kerajaan sudah membuat kajian semula (*review*) setelah lima tahun program ini berjalan untuk melihat sejauhmana keberkesanan program ini. Setakat ini belum ada kajian semula dibuat. Oleh itu kajian yang dijalankan ini boleh menjadi pendorong kepada kerajaan untuk menilai semula prestasi program GDW supaya matlamat yang ditetapkan dapat dicapai.

Program Celik Komputer yang lain seperti Medan Infodesa (MID) dan Internet Desa tidak dapat dinilai hasilnya kerana kedua-dua program tersebut masih di peringkat perintis dan tidak dilaksanakan di tempat kajian.

b. **Latihan**

Dasar yang ada pada masa ini tidak banyak membuka peluang kepada masyarakat untuk mengikuti kursus komputer. Dalam Rancangan Malaysia Ke 8, penekanan latihan diberi kepada latihan formal iaitu di peringkat diploma, ijazah dan ijazah lanjutan selaras dengan dasar untuk melahirkan ramai sumber manusia mahir ICT seperti jurutera perisian, jurutera perkakasan, juruanalisa system dan sebagainya.

Dalam kontek GDW, program latihan kepada masyarakat luar bandar tidak diberi perhatian. Sebenarnya masyarakat luar bandar tidak ada tempat untuk mengikuti kursus komputer. Walaupun INFRA memberi kursus komputer kepada masyarakat luar bandar tetapi pada masa ini keutamaan diberi kepada JKKK khususnya yang tersenarai dalam program GDW. Bagi JKKK yang tidak termasuk dalam senarai GDW, mereka juga tidak ada peluang mengikuti kursus di INFRA. Masyarakat umum juga tidak ada peluang untuk mengikuti kursus di INFRA.

Kursus-kursus komputer yang ditawarkan oleh KEMAS juga tidak membantu ke arah celik komputer. Kursus komputer di bawah anjuran KEMAS dikenakan bayaran sebanyak RM150.00 untuk satu pakej. Majoriti (85%) penduduk tempatan di kawasan kajian mempunyai

pendapatan bulanan RM1,000.00 dan ke bawah. Justeru itu kursus komputer bukanlah menjadi keutamaan kepada mereka.

Berdasarkan kepada senario di atas, kerajaan perlu menilai semula program latihan yang sedia ada sama ada di bawah program GDW, INFRA atau di bawah KEMAS. Sekiranya program latihan tidak disusun semula, sudah pasti hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat bermaklumat dan berinformasi pada tahun 2020 tidak akan tercapai. Sebaliknya akan mewujudkan jurang digital yang lebih besar antara masyarakat bandar dan luar bandar.

5.3. Cadangan-cadangan

Untuk memantapkan program pembangunan komuniti ini beberapa perkara perlu diberi perhatian iaitu :-

a. *Kursus Asas Komputer*

Untuk menjadikan komuniti luar bandar berinformasi menjelang tahun 2020, perlulah dibanyakkan lagi kursus komputer. Penemuan kajian menunjukkan masyarakat luar bandar kurang mendapat latihan dan kursus asas komputer terutama kepada JKKK yang merupakan nadi penggerak pembangunan masyarakat dan diikuti oleh penduduk kampung. Melalui kursus-kursus yang diadakan akan menjadikan masyarakat luar bandar celik komputer dengan lebih cepat dan seterusnya dapat meluaskan minda mereka.

b. ***Kemudahan Komputer***

Untuk mempercepat penggunaan komputer di kalangan ahli komuniti, perlu diwujudkan satu pusat kemudahan komputer. Setakat ini belum ada kemudahan komputer di dalam komuniti berkenaan. Kemudahan komputer diberi kepada JKKK. Dalam konteks ini perlu diwujudkan satu pusat kemudahan komputer seperti di balairaya di mana ahli komuniti boleh menggunakan komputer pada bila-bila masa yang diperlukan. Apabila disediakan kemudahan seperti ini, ahli masyarakat boleh belajar menggunakan komputer dan memahirkan diri dengan penggunaan komputer. Bagi mereka yang tidak mampu membeli komputer, boleh menggunakan komputer di pusat berkenaan. Kemudahan komputer yang disediakan boleh dikenakan sedikit bayaran. Tujuan bayaran dikenakan adalah untuk menampung kos membaiki komputer, bil elektrik dan juga kos-kos pengurusan yang berkaitan. Di sini memerlukan sokongan daripada kerajaan persekutuan/negeri.

c. ***Menyediakan Jurulatih/Komputer***

Untuk mempercepat kemahiran penggunaan komputer di kalangan ahli komuniti di luar bandar, perlu disediakan jurulatih/guru komputer. Peranan ini boleh dimainkan oleh guru-guru sekolah yang ada kemahiran dalam komputer untuk menjadi fasilitator. Di samping itu jurulatih komputer boleh diperolehi melalui skim siswazah. Siswazah yang mahir dalam komputer boleh diambil untuk berkhidmat di pusat-

e. ***Peruntukan***

Dalam melaksanakan sesuatu program, peruntukan kewangan menjadi masalah besar. Kejayaan atau kegagalan sesuatu program itu bergantung kepada sejauhmana peruntukan diberi dan bagaimana peruntukan itu digunakan. Dalam konteks ini kita perlu menilai keperluan sebenar sesebuah JKKK atau kampung berkenaan. Kalau kampung itu belum ada kemudahan asas seperti balairaya, banyak jalan-jalan tanah merah dan belum bertar, keutamaan peruntukan perlu diberi kepada keperluan kemudahan asas. Bagaimanapun bagi kampung-kampung yang sudah mempunyai keperluan asas yang mencukupi, peruntukan perlu diberi lebih banyak kepada program pembangunan manusia seperti pembelian komputer dan kemudahan internet. Ini bermakna peruntukan perlu diselaraskan dengan kadar pembangunan yang ada di sesebuah kampung. Tumpuan tidak hanya diberikan kepada program pembangunan fizikal tetapi perlu dilihat juga pembangunan minda masyarakat selaras dengan pembangunan negara. Melalui cara ini komuniti akan mendapat faedah yang maksimum di mana tempat kurang pembangunan fizikal diberi kemudahan asas. Manakala tempat yang memiliki kemudahan asas yang mencukupi diberi kemudahan berbentuk pembangunan minda dan sebagainya.

Di samping itu setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen (AP) diberi sejumlah peruntukan. Peruntukan ADUN dan AP boleh digunakan untuk membeli komputer. Bagi mana-mana JKKK

yang tidak termasuk dalam program GDW, ADUN atau AP boleh menghadiahkan komputer kepada kampung berkenaan. Melalui cara ini tidak timbul masalah di mana kampung yang tidak disenaraikan dalam GDW tidak mendapat komputer dan terus ketinggalan. Bagi mana-mana kampung yang sudah disenaraikan dalam program GDW dan perlu komputer tambahan, sepatutnya AP dan ADUN boleh membantu untuk mendapatkan komputer tambahan. Dengan cara ini proses pembangunan masyarakat dan program celik komputer dapat dipercepatkan dan berjalan seiringan.

f. ***Faktor Motivasi***

Satu lagi aspek yang perlu dipertimbangkan oleh pihak berkenaan ialah faktor motivasi. Bagaimana untuk mengujudkan satu dorongan kepada komuniti untuk belajar dan menggunakan kemudahan IT khususnya internet. Pada masa ini kebanyakan perisian dalam internet adalah dalam bahasa Inggeris sedangkan kebanyakan pengguna atau penduduk berbahasa Melayu. Oleh yang demikian mereka tidak faham kebanyakan perisian dalam internet kerana masalah bahasa. Dorongan untuk mempelajari dan menggunakan komputer bagi tujuan mencari ilmu adalah berkurangan. Sekiranya perisian dalam internet menggunakan bahasa Melayu ianya boleh mendorong dan menyemarakkan semangat untuk mempelajarinya. Apabila ada dorongan, barulah lahir semangat untuk belajar dan seterusnya mencipta laman web sendiri. Seorang petani daripada Korea Selatan iaitu Encik

Lee Jong Woo, 48 tahun bertungkus lumus selama satu minggu untuk menyediakan e-businessnya pada tahun 1999. Pada masa itu beliau tidak tahu menggunakan komputer. Bagaimanapun pada awal tahun 1999 beliau telah melancarkan halaman webnya sendiri untuk menjual hasil keluarannya iaitu beras melalui website www.ssal.co.kr. Sehingga kini 167,000 orang melayari halaman web untuk mendapatkan hasil keluarannya. Pada tahun 2001 Encik Lee telah berjaya memenangi anugerah *homepage* terbaik bagi tahun 2001 daripada Kementerian Pertanian Korea Selatan. Beliau mengakui bahawa penjualan hasil keluarannya melalui internet lebih menguntungkan kerana tidak lagi melibatkan orang tengah (New Straits Times, 4 Januari 2002:10). Ini menunjukkan kalau ada motivasi yang tinggi, seorang petani seperti Encik Lee boleh menggunakan IT dengan baik.

5.4. Kajian-kajian Akan Datang

Kajian ini adalah satu kajian penerokaan untuk melihat sejauhmana masyarakat luar bandar dapat mengaplikasikan teknologi maklumat dalam aktiviti harian mereka. Adalah didapati masyarakat luar bandar belum bersedia untuk menjadikan IT sebagai alat perhubungan penting dalam aktiviti harian mereka. Ini disebabkan oleh kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar seperti pendapatan rendah menyebabkan tidak mampu untuk memiliki komputer, tidak ada latihan dalam bidang komputer, tidak ada kemahiran penggunaan komputer dan sebagainya.

Bagi tujuan kajian di masa hadapan, adalah perlu melihat program-program pembangunan yang melibatkan celik komputer di kalangan masyarakat terutama di peringkat negeri. Pembangunan tidak boleh bergantung kepada kerajaan pusat semata-mata tetapi kerajaan negeri juga perlu mengambil inisiatif yang sewajarnya untuk mewujudkan masyarakat bermaklumat pada tahun 2020. Negeri Selangor umpamanya telah mengambil beberapa langkah seperti mewujudkan pusat-pusat IT melalui kerajaan tempatan. MPPJ telah mengadakan program IT dikampung-kampung kurang mampu seperti di Lembah Subang (Computimes, 17 Januari 2002:4), Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan projek IT di Kampung Tengah Batu, Puchong yang dikenali dengan nama e-kampung. Menurut Ketua Pusat ICT di Kampung Tengah Batu, Puchong seramai 80 orang telah menghadiri kelas komputer secara percuma setiap hari (New Straits Times, City, 5 Disember 2002 : 1).

Kajian juga boleh dilihat dari sudut perbandingan program pembangunan masyarakat khususnya dalam celik komputer antara negeri-negeri dan kadar celik komputer yang dihasilkan. Melalui kajian ini barulah dapat dilihat kadar celik komputer di negeri manakah yang cepat berkembang dan sebaliknya.

Akhir sekali, adalah diharapkan kajian ini dapat menjadi rujukan kepada kajian-kajian akan datang dan panduan kepada perancang-perancang pembangunan komuniti yang terlibat. Diharapkan juga segala kelemahan dan kekurangan-kekurangan dalam kajian ini dapat diperbaiki oleh pengkaji akan datang.